

**Kuching Tuan Rumah Sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Sarawak  
Bernama  
Ogos 10, 2011**

KUCHING, 10 Ogos (Bernama) -- Sambutan Hari Malaysia peringkat Sarawak pada 16 Sept depan bagi meraikan ulang tahun ke-48 penggabungan Sabah dan Sarawak untuk membentuk Malaysia akan diadakan secara besar-besaran di sekitar kompleks Dewan Undangan Negeri dan Tebingan Kuching.

Menteri Perumahan dan Pembangunan Bandar Datuk Amar Abang Johari Tun Openg berkata sambutan yang berlangsung pada sebelah malam itu akan menampilkan beberapa persembahan unik yang belum pernah ditayangkan kepada umum sebelum ini.

"Orang ramai kita jemput sama-sama memeriahkan sambutan tersebut dan pastinya kita ada persembahan unik menggabungkan elemen cahaya dan air di Sungai Sarawak dan boleh disaksikan dari Tebingan Kuching," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa induk sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Sarawak 2011 di Wisma Bapa Malaysia di sini Rabu.

Abang Johari, yang juga Menteri Pelancongan dan Warisan Sarawak, berkata selain sambutan pada 16 Sept, majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri Merdeka 1Malaysia akan diadakan pada 30 dan 31 Ogos di Stadium Perpaduan Petra Jaya ataupun di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK).

Katanya Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dijangka hadir pada kedua-dua program berkenaan.

-- BERNAMA